



KERJASAMA SEMUA PIHAK: Abdullah pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran Putra, semalam. Majlis itu turut dihadiri (dari kiri) Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed, Najib, Datuk Dr Maximus Johnity Ongkili (dua dari kanan) serta Samsudin Osman (kanan).

Kerja kuat jaya RMK-9

BH - 10 Jan 2006

PM mahu agensi melaksanakan tugas, cetus kebaikan rakyat

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak semua pihak bekerja lebih kuat sebagai azam tahun baru, terutama bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat tahun ini.

Perdana Menteri berkata, agensi Pusat yang bertanggungjawab menyediakan laporan RMK-9 juga perlu melaksanakan kerja dan tugas dengan rapi supaya ia dapat mencetuskan kebaikan kepada negara dan membawa rakyat ke mercu kejayaan.

"Semua pihak harus memberi sumbangan dan tiada satu kejayaan menjadi milik seorang tetapi semua," katanya pada perhimpunan bulanan warga kerja Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Teras utama RMK-9 untuk pelaksanaan bagi tempoh 2006 hingga 2010 adalah untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara pada tahap lebih tinggi dan menguruskannya de-

ngan berkesan bagi mencapai pembangunan ekonomi lebih seimbang serta mencapai integrasi nasional.

Abdullah berkata, bagi menjayakan program pembangunan kerajaan, setiap agensi hendaklah memperbaiki kelemahan termasuk sistem penyampaian perkhidmatan awam, yang tahapnya biasa dijadikan ukuran dalam perbincangan mengenai kedudukan persaingan negara.

Perdana Menteri berkata, beliau menghargai peranan dimainkan beberapa agensi seperti Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Unit Perancang Ekonomi yang berusaha meningkatkan tahap kecekapan sektor awam.

Mengimbas kembali peristiwa yang berlaku tahun lalu, Abdullah berkata, terlalu banyak berita tersiar di akhbar mengenai keadaan dan kedudukan perkhidmatan kerajaan termasuk mengenai sistem penyampaian perkhidmatan.

Beliau juga mengajak rakyat mengambil pengajaran daripada apa di tempuhi sepanjang 2005 dan menjadikannya sebagai iktibar untuk memperbaiki kehidupan tahun ini.

Katanya, rakyat yang rata-ratanya

“Kakitangan awam hendaklah menganggap berita di dada akhbar mengenai sistem penyampaian perkhidmatan sebagai satu petunjuk untuk mereka memberi perhatian lebih serius ke arah meningkatkan lagi kecekapan, mutu dan daya saing negara”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

pekerja, wajar mengambil pengajaran daripada pengalaman yang dilalui walaupun ia kadang-kadang amat pahit untuk diterima, menyusahkan dan penuh cabaran.

"Ada orang menyatakan pengalaman lalu yang menyedihkan perlu dilupakan, tapi jika dilupakan ia tidak akan jadi pengajaran. Belajar daripada pengalaman adalah cara paling berkesan memperbaiki lagi kehidupan termasuk pengalaman yang kadang-kadang menyusahkan, menyedihkan dan memberikan cabaran yang besar.

"Kalau berlaku kematian ahli keluarga, ia juga jadi pengajaran (seperti) adakah dia pernah ditolong sebelum ini (sebelum meninggal dunia) dan anak dan isterinya dibantu atau tidak (selepas meninggal).

"Jika berlaku kemalangan kepada ahli keluarga juga menjadi pengajaran. Adakah kita mengetahui faktor yang menyebabkan berlakunya kemalangan dan adakah kita menasihati anak-anak kita supaya berhati-hati di jalan raya," katanya.

Abdullah menasihatkan rakyat termasuk kakitangan awam sentiasa menimba ilmu pengetahuan sebagai nilai tambah pada diri masing-masing bagi mencapai kejayaan.